

# Buletin INFOLIB

## PSA DIGITAL LIBRARY PENDIGITALAN (Institutional Repository)

Perpustakaan PSA sedang berusaha untuk menggiatkan koleksi digital di kalangan pengguna.

Penambahbaikan telah dilakukan iaitu satu pangkalan pencarian maklumat di dalam talian diwujudkan untuk kemudahan parapengguna memperolehi koleksi maklumat data berkaitan PSA dengan mudah tanpa perlu hadir ke perpustakaan.

Semua pengguna IR boleh melayari pangkalan data tersebut secara percuma.



KATA ALUAN PENYELARAS PERPUSTAKAAN

KETUA UNIT PERPUSTAKAAN

# BERITA STAF



8 Mac 2021 - Laport diri pelajar Latihan industri dari Uitm Kampus Rembau iaitu Nuriz Eireen bt Shaiful Nizam di perpustakaan PSA.

Berasal dari Klang Selangor dan akan menjalani latihan Industri selama 5 bulan menggantikan Pelajar Uitm Fatin Nurliyana yang telah tamat menjalani latihan industri pada akhir Julai tempohari.

Meraikan majlis perpisahan pelajar Intern Uitm Rembau iaitu Fatin Nurliyana Bt Mior Yusoff yang telah menamatkan latihan Industri di Perpustakaan PSA selama 5 bulan di sini.


Semoga fatin berjaya dan mendapat peluang kerja yang bagus di masa akan datang. Selamat maju jaya dari kami warga perpustakaan Ibnu Khaldun .

Sedikit cencerahati dari kami sebagai tanda penghargaan sepanjang menjalani latihan disini



# BERITA STAF

Sesi lapor diri oleh pelajar-pelajar latihan Industri dari Uitm Kampus Rembau Negeri Sembilan telah dilakukan secara online semasa musim PKP. Seramai 3 orang pelajar telah melapor diri untuk menjalani latihan industri selama 5 bulan di Perpustakaan PSA mulai 1 September 2021—31 Januari 2022. Pelajar tersebut adalah Nurdiana Dewi Bt Taher , Nurul Asiqin Bt Ismail dan Nurazreen Bt Ahmad Azizul. Sesi latihan merangkumi semua aspek pengurusan dan pentadbiran perpustakaan





Pertukaran staf bagi jawatan Penolong Pegawai perpustakaan baru telah dilakukan oleh HQ PNM. Pn Nurul Farhah bt Dalail telah ditukarkan ke Hospital Serdang dan diganti dengan Penolong Pegawai yang baru iaitu Mohd Afiq bin . Untuk makluman, Pn Nurul Farhah telah berkhidmat di PSA selama lebih kurang 11 tahun. Pertukaran ini dibuat oleh Ibu Pejabat Perpustakaan Negara Malaysia dan beliau akur dengan arahan yang telah dikeluarkan. Semoga Pn Nurul Farhah akan lebih cemerlang dan maju jaya di jabatan baru.

En. Mohd Afiq Faisal bin Mohd Ilias merupakan pegawai lantikan baru dari PNM pada September 2021. Berasal dari Taiping Perak dan belum berkahwin. Telah menerima penempatan di PSA bagi menggantikan Pn. Nurul Farhah bt Dallail yang di arahkan bertukar ke Hospital Serdang. Sebelum berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Pustakawan beliau merupakan seorang Personal Short Term Employment Program (MyStep) secara kontrak selama lebih kurang 3 tahun sebagai pembantu perangkaan di jabatan Perangkaan Malaysia cawangan Perak.



## Senarai Aktiviti Perpustakaan Ibnu Khaldun sepanjang tahun Januari hingga Disember 2021

Tarikh	Aktiviti
26 Feb 2021	Majlis perpisahan pelajar Latihan Industri Uitm Fatin Nurliyana
5 Mac 2021	Pelancaran apps PSA D'Lib di Perhimpunan Staf
8 Mac 2021	Lapor diri pelajar Latihan Industri Uitm Rembau Nuriz Eireen
10 Mac 2021	Projek Keceriaan ruang luar perpustakaan
15-16 Mac 2021	Bengkel KOHA di Pusat Link ICT
24 Mac 2021	Majlis perpisahan pelajar latihan Industri dari Uitm Merbok Kedah
26 Mac 2021	Sanitasi ruang perpustakaan oleh Jabatan Bmba dan Penyelamat Shah Alam
3 Mei 2021	Projek deko raya Aidilfitri
6 Mei 2021	Quran Hour peringkat PSA
30 Ogos 2021	Program Malaysia #QuranHour anjuran Perpustakaan PSA
1 September 2021	Lapor diri secara Online pelajar latihan Industri Uitm Rembau

Tarikh	Aktiviti
4 Oktober 2021	Perolehan buku baru Unit perpustakaan Ibnu Khaldun
20 Oktober 2021	Pameran bahan terbitan dan koleksi aplikasi Perpustakaan Ibnu Khaldun pada hari Akademia PSA
15 Disember 2021	Audit dalaman OEM

## STATISTIK KOLEKSI DIGITAL IR BAGI TAHUN 2021

<b>KUMULATIF DATA DIGITAL IR SEHINGGA 31.12.2021</b>						
TARGET 500 + 1% SETIAP TAHUN DATA DI UPLOAD DI IR						
BAHAN IR	JUDUL / UNIT IR 2019	JUDUL / UNIT IR 2020	JUDUL / UNIT IR 2021	JUMLAH KESELURUHAN JUDUL/UNIT (jumlah sama seperti IR)	IR	
ANNUAL REPORT	10	1	1	12	12	
ARTICLE INDEXING	124	0	51	175	175	
CONVOCAION BOOK	18	0	0	18	18	
FINAL EXAM PAPER	1476	122	305	1903	1903	
FYP JKA	47	19	133	199	199	
FYP JPG	24	20	0	44	5	
FYP JKE	19	97	0	116	9	
FYP JKM	0	37	198	235	4	
PROSPECTUS	0	0	0	0	0	
ACADEMIC ARTICLE	6	0	0	6	6	
BOOK CHAPTER	3	0	6	9	9	
BOOKS	0	114	72	186	186	
BULLETIN	21	0	5	26	3	
CONFERENCE PAPER	0	50	5	55	7	
E- JOURNAL	9	0	19	28	28	
PROCEEDING	0	53	14	67	67	
<b>TOTAL BY YEAR</b>	<b>1757</b>	<b>513</b>	<b>809</b>	<b>3079</b>	<b>3079</b>	

# APLIKASI PSA DIGITAL LIBRARY



5 Mac 2021

Telah berlansung pelancaran Aplikasi PSA Digital Library (PSA D'LIB) yang di lancarkan oleh Pengarah PSA iaitu Dr. Hj. Mohd Zahari Bin Ismail di majlis Perhimpunan Staf pada bulan Mac yang lalu.


PSA D'LIB merupakan sebuah aplikasi yang diwujudkan oleh Perpustakaan Ibnu Khaldun. Idea ini telah diterjemahkan oleh pelajar pelatih dari Uitm Kampus Rembau iaitu Nuriz Izreen dimana portal tersebut memaparkan Info berkaitan Perpustakaan, perkhidmatan yang disediakan, info buku-buku baru serta maklumat terkini yang dikemaskini dari masa ke semasa. Dan merealisasikan amanat yang telah dihasratkan oleh Pengarah PSA untuk memantapkan penggunaan digital di kalangan pengguna perpustakaan.

Projek keceriaan oleh pelajar-pelajar Diploma latihan Industri dari kampus Uitm Merbok, Kedah. Fokus latihan yang diberikan adalah menumpukan projek keceriaan persekitaran perpustakaan kerana pelajar-pelajar ini hanya menjalani latihan Industri selama 3 bulan di Perpustakaan PSA.



# BENGGKEL KOHA 15-16 MAC 2021

## Oleh : CD SOLUTION



Perbincangan di antara perpustakaan Politeknik seluruh Malaysia telah bersetuju untuk menyelaraskan sistem perpustakaan yang digunakan sekarang dengan menukar guna sistem perpustakaan yang baru iaitu Sistem Ilmu kepada Sistem KOHA.

Satu bengkel telah diadakan di pusat makmal ICT oleh team KOHA untuk memberi penerangan dan tatacara penggunaan sistem KOHA kepada staf-staf perpustakaan dan staf ICT yang terlibat secara langsung dengan sistem ini.

# Raya tetap Raya ...



Deko hasil idea dari staf perpustakaan Ibnu Khaldun dan hasil sentuhan Pelajar Intern Uitm iaitu Nureez Izreen mencerikan ruang perustakaan yang tiada pengunjung kerana pandemik Covid.

Saksikan secara LIVE di Jam 12:30 pagi - 1:00 petang  
Layar Juga di Platform Digital  
Astro Oasis, QuranHour, Facebook, Instagram, TikTok, TV

Satu Jam Bersama al-Quran

# Interaksi dengan al-Quran

BACA · FAHAM · AMAL

· Dunia Berbudi & Penayang ·  
**WORLD #QuranHour**  
...satu permulaan

## 24 RAMADAN 1442H 6 MEI 2021

**Boleh Dilaksanakan Di Mana-mana**  
Masa: 12 tengah hari - 1 tengah hari

**Apa yang perlu dilakukan?**

- Berinteraksi bersama al-Quran dengan membaca dan mentadabbur Surah al-Mulk. Boleh dilakukan di mana sahaja dalam dan luar negara, tanpa kos, ikut dari rumah atau ruang kerja masing-masing.
- Ikuti siaran langsung di Astro Oasis, TV al-Hijrah, Bernama, RTM
- Ikuti dalam talian di FB Sinar Harian, QuranHour, TV Al-Hijrah

**Solidariti bersama**

- Selama 1 jam World #QuranHour, ambil gambar sendiri atau bersama keluarga dan rakan (jaga perjarakan sosial) dan muat naik ke media sosial dengan tanda pagar: World #QuranHour

**Untuk maklumat lanjut**

- Sila layari FB QuranHour dan Daftar Hotspot: bit.ly/WQH1442H

## DAFTAR HOTSPOT

Misi Al-Mulk 2021/ 1442H

· Dunia Berbudi & Penayang ·  
**WORLD #QuranHour**  
...satu permulaan

### Berinteraksi dengan Surah Al-Mulk


BACA · FAHAM · AMAL

Assalamualaikum W.B.T.  
Segala hormatnya dijemput warga PSA menghadiri World Quran Hour Peringkat PSA anjuran Pusat Islam dan Perpustakaan PSA secara dalam talian seperti ketetapan berikut:

**Tarikh** : 6/5/2021 (Khamis) Bersamaan 24 Ramadhan 1442H  
**Masa** : 12.00 tgh  
**Medium** : MsTeam PSA Staff  
**Bersama** : Al-Fadhil Tuan Haji Muhammad Safwan bin Abdullah

Jom sertai kami! Sekian, terima kasih 🙏

UMMAHIKHLAS



Pada 6 Mei 2022 bersamaan 24 Ramadhan 1443 Hijrah telah berlangsung program “**World Quran Hour**” peringkat PSA anjuran Perpustakaan Ibnu Khaldun secara dalam talian. Sambutan yang memberansangkan walau dalam keadaan kes pandemik covid yang semakin meningkat, tetapi aktiviti tetap diteruskan seperti yang telah dirancang.



Proses sanitasi dilakukan di dalam dan luar perpustakaan Ibnu Khaldun. Pasukan bomba dari Jabatan Bomba Shah Alam sedang melakukan sanitasi di seluruh ruang perpustakaan.



# MALAYSIA QURAN



Perpustakaan Ibnu Khaldun PSA sekali lagi telah melancarkan program MALAYSIA #Quran Hour secara dalam talian dikalangan warga staf PSA. Penceramah jemputan Dr.Ainul telah dipilih menyampaikan ce-

seluruh warga PSA (staf dan pelajar) untuk menyertai **Kuiz Kemerdekaan & Hari Malaysia 2021** anjuran Perpustakaan Ibnu Khaldun, PSA secara dalam talian seperti perincian berikut:

- Tempoh Penyertaan: 25 Ogos hingga 16 September 2021
- Medium : Atas talian



Perolehan pembelian buku bagi tahun 2021 telah diluluskan . Unit perpustakaan telah menerima bajet pembelian buku sebanyak RM ??? . Buku –buku tersebut telah pun siap di katalog dan sedia untuk dipinjam.



Salah satu program yang di rancang dalam aktiviti perpustakaan sepanjang tahun 2021 iaitu tayangan filem berunsur kemerdekaan sempena program kemerdekaan 2021. Tayangan filem berkisar perjuangan dan kemerdekaan di tayang buat pengguna yang berkunjung ke perpustakaan.





Pameran buku terbitan PSA di bawah Unit penerbitan PSA telah di pameran di majlis lawatan KSU ke PSA pada Hari Akademia yang telah berlansung pada bulan Oktober 2021. Semua buku di bawah terbitan Unit Penerbitan PSA telah di pamer pada hari tersebut dan telah mendapat perhatian oleh KSU.

Tahniah diucapkan kepada team Penerbitan PSA.



## Audit MBOT

Pada 23 Desember 2021 telah berlangsung Audit MBOT yang dilakukan secara online. Pn.Akmal merupakan Pustakawan Kanan telah ditemuramah oleh Auditor berkaitan pengurusan perpustakaan dan kemudahan yang di sediakan di perpustakaan.



Pra Audit telah dijalankan di unit perpustakaan PSA pada 16/12/21. Tujuan Audit ini dijalankan untuk menyemak proses perbelanjaan, pembelian buku, pengurusan kerja di perpustakaan dan hal-hal lain yang berkaitan.



Pada 30 Nov 2021 unit perpustakaan Ibnu Khaldun PSA telah menerima sumbangan bahan terbitan dari FTAC untuk diserahkan kepada Unit Terbitan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai bahan koleksi rujukan umum. Sumbangan ini telah diserahkan oleh Timbalan Pengarah dan Timbalan Pengarah (SA) kepada Unit Perpustakaan.

## **Musibah banjir di Selangor. Staf perpustakaan Ibnu Khaldun juga terkesan**

18 Disember 2021- telah tercatat dalam sejarah Malaysia dimana hampir keseluruhan negeri di Selangor telah ditenggelami banjir besar. Tidak terkecuali iaitu 2 orang staf perpustakaan Ibnu Khaldun turut menghadapi musibah banjir ini iaitu Pustakawan Kanan Pn.Norhayati Majid di Seksyen 23, Shah Alam manakala Pembantu Pustakawan Kanan iaitu Pn.Nor Parasila di Meru, Klang.

Banjir yang berlaku telah merosakkan hampir keseluruhan rumah 2 orang staf perpustakaan dimana barang-barang di dalam rumah tidak sempat untuk di selamatkan dan ditenggalami banjir. Air sangat cepat naik dan memasuki ke dalam rumah dan tidak sempat untuk menyelamatkan barang-barang tersebut kerana terpaksa menyelamatkan diri berpindah ke pusat pemindahan banjir.

Kerugian di anggarkan puluhan ribuan ringgit kerana semua barang yang ditenggalami rosak dan tidak boleh diguna semula. Semoga Pn.Norhayati majid dan Pn.Nor Parasila bersabar di atas ujian dan musibah banjir yang menimpa. Bantuan dari PSA telah dihulurkan kepada mangsa-mangsa banjir yang terlibat dan sukarelawan juga turut di hantar bagi membantu mangsa-mangsa banjir membersihkan rumah mereka.



Keadaan banjir di kawasan rumah Pn.Norhayati Bt Majid di Seksyen 23 Shah Alam.

**PERPUSTAKAAN  
POLITEKNIK PREMIER  
SULTAN SALAHUDDIN  
ABDUL AZIZ SHAH**

**Persiaran Usahawan,  
Seksyen U1,  
40150 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.  
No. Tel: 03-51634000**

**Talian Terus:  
Pn Norhayati/Pn. Akmal  
samb. 1265  
03-5163 4000 (Pejabat)  
No Faks: 03-5569 1903  
Email :  
pustaka@psa.edu.my**

**ISNIN - JUMAAT**

**7.30 PAGI - 6.00 PETANG**

**CUTI SEMESTER :**

**WAKTU PEJABAT SAHAJA**

**ISNIN-KHAMIS :**

**7.30 PAGI - 1.00 TENGAHARI**

**2.00 PETANG - 5.00 PETANG**

**JUMAAT:**

**7.30 PAGI—12.00 TENGAHARI**

**2.30 PETANG - 5.00 PETANG**

**TUTUP:**

**SABTU & AHAD SERTA CUTI UMUM**

### **SUMBANGAN BAHAN BACAAN**

**Pihak perpustakaan  
mengalu-alukan kepada  
mana-mana staf yang ingin  
menyumbangkan koleksi bahan  
kepada pihak perpustakaan.  
Sumbangan boleh ditujukan  
terus kepada Pustakawan,  
Pn Akmal binti Mohd Salleh.  
Sumbangan ini akan dikategori-  
kan sebagai hadiah kepada Per-  
pustakaan PSA.**